



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PENDUDUK PERUMAHAN AWAM 1RAZAK MANSION BAKAL MENERIMA UNIT RUMAH BARU

**KUALA LUMPUR, 16 Mac 2014** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor hari ini menghadiri Majlis Cabutan Undi Bagi Unit Baru Perumahan 1Razak Mansion Bersama Penduduk Sedia Ada.

2. Cadangan Pembangunan Semula Perumahan Awam Razak Mansion ini akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Syarikat Impianika Development Sdn. Bhd. Pihak Kerajaan telah memilih syarikat ini melalui proses tender yang telah dilaksanakan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

3. Konsep Penggantian Unit Kediaman 1:1 iaitu penggantian unit sedia ada sebanyak 658 unit sedia ada yang mempunyai satu bilik (399 kps) dan dua bilik tidur (504kps) dengan gantian unit rumah baru dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air berkeluasan 800kps (Rujuk Lampiran I). Penggantian rumah adalah berasaskan kepada kumpulan berikut :

- i. 101 unit yang disewa dengan DBKL; dan
- ii. 557 unit pemilik yang mempunyai S&P bersama DBKL.

4. Selain itu, kemudahan sedia ada juga diganti secara 1:1 iaitu:

Kemudahan		
Kemudahan Sedia Ada		Unit Baru Kemudahan
<b>Kedai</b>	294-399 kps	600 kps
<b>Pasar</b>	110 unit, keluasan 11,000 kps	110 unit, keluasan 20,000 kps
<b>Pejabat kecil</b>	1 unit, 1000 kps	1 unit, 1500 kps
<b>Dewan Orang Ramai</b>	1 unit, 3,500 kps	1 unit, 7,000 kps
<b>Surau</b>	1 unit, 21,521 kps	1 unit, 21,550 kps
<b>Tadika Kemas</b>	1 unit, 800 kps	1 unit, 1,000 kps
<b>Tadika Islam</b>	1 unit, 800 kps	1 unit, 1,000 kps
<b>Tadika Tengku Budriah</b>	1 unit, 800 kps	1 unit, 1,000 kps
<b>Pejabat Persatuan Penduduk</b>	1 unit, 1,000 kps	1 unit, 1,500 kps
<b>Pondok Polis</b>	1 unit, 50 kps	1 unit, 50 kps
<b>Bilik Pengurusan Mayat</b>	1 unit, 350 kps	1 unit, 400 kps

5. Pihak DBKL telah melaksanakan bancian pada penghujung tahun 2013. Hasil daripada kajian tersebut keseluruhan 658 penduduk telah bersetuju dengan pilihan yang ditawarkan seperti di **Lampiran II**. Cadangan pembangunan yang mendapat reaksi positif daripada penduduk bagi pembangunan semula perumahan Razak Mansion ini akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada akhir April 2014. Pelaksanaan projek pembangunan semula ini akan bermula pada pertengahan tahun 2014 dan dijangka siap dalam tempoh 3 tahun.

6. Pihak kementerian yakin hasrat murni kerajaan untuk membantu membangunkan semula kawasan tersebut dapat dilaksanakan dengan sokongan daripada semua penduduk yang terlibat. Atas keprihatinan kerajaan juga, projek ini mampu memberikan satu persekitaran kehidupan yang lebih mampan ke arah kualiti kehidupan yang lebih baik.

**Disediakan oleh:**  
**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**KUALA LUMPUR**  
**16 MAC 2014**

## Lampiran I

Pemilik 1 Bilik	
Unit Sedia Ada	Unit Baru
<p>Satu (1) bilik apartmen                      Keluasan: 399 kps                      Anggaran Nilai Pasara Semasa: RM60,000                      Baki tempoh pajakan: kira-kira 40 tahun                      (tanpa Hamilik Strata)</p>	<p><b>Tiga (3) bilik</b> dengan <b>dua (2) bilik air</b>                      Keluasan: 800 kps                      Anggaran Nilai Pasaran yang siap dibina: RM250,000                      Pajakan Baru: 99 tahun (dengan Hakmilik Strata)                      1 Tempat letak kereta percuma</p>

Pemilik 2 Bilik	
Unit Sedia Ada	Unit Baru
<p>Dua (2) bilik apartmen                      Keluasan: 504 kps                      Anggaran Nilai Pasara Semasa: RM80,000                      Baki tempoh pajakan: kira-kira 40 tahun                      (tanpa Hamilik Strata)</p>	<p>Tiga (3) bilik dengan dua (2) bilik air                      Keluasan: 800 kps                      Anggaran Nilai Pasaran yang siap dibina: RM250,000                      Pajakan Baru: 99 tahun (dengan Hakmilik Strata)                      1 Tempat letak kereta percuma</p> <p>Pakej Tambahan:                      Pilihan 1: Subsidi RM14,000; atau                      Pilihan 2: Percuma 2 unit Penyaman Udara (air-conditioner) &amp; Kabinet Dapur</p>

**JENIS PILIHAN TAWARAN KEDIAMAN BERDASARKAN BANCIAN DBKL**

<b>JENIS KEDIAMAN</b>	<b>PILIHAN</b>	<b>UNDIAN</b>
<b>PEMILIK 1 BILIK (272)</b>	<b>PILIHAN 1</b> : Memilih rumah 3 bilik dan 2 bilik air berkeluasan 800 kp	<b>270</b>
	<b>PILIHAN 2</b> : Memilih untuk menolak unit rumah dan bersetuju menerima gantian wang tunai berjumlah RM160,000.00 Bayaran akan dijelaskan setelah unit gentian siap dibina dan memperolehi Sijil Perakuan Menduduki.	<b>2</b>
	<b>TIDAK SETUJU</b>	-
<b>PEMILIK 2 BILIK (285 unit)</b>	<b>PILIHAN 1</b> : Memilih rumah 3 bilik dan 2 bilik air berkeluasan 800 kp dengan subsidi wang tunai berjumlah RM14,000.00	<b>270</b>
	<b>PILIHAN 2</b> : Memilih rumah 800 kp dan 2 unit penghawa dingin serta kabinet dapur bernilai RM14,000.00	<b>14</b>
	<b>PILIHAN 3</b> : Memilih untuk menolak unit rumah dan bersetuju menerima gantian wang tunai berjumlah RM180,000.00. Bayaran akan dijelaskan setelah unit gentian siap dibina dan memperolehi Sijil Perakuan Menduduki.	<b>1</b>
<b>JUMLAH (A)</b>		<b>557</b>
<b>PENYEWA 1 BILIK DAN 2 BILIK (101 unit)</b>	<b>PILIHAN 1</b> : Memilih untuk membeli unit yang disewa sekarang dengan harga RM42,000.00 dan apabila projek pembangunan semula siap, unit yang tuan/puan beli akan digantikan dengan atau unit rumah 3 bilik dan 2 bilik air dengan keluasan 800 kp.	<b>95</b>
	<b>PILIHAN 2</b> : Menyewa unit rumah PPR DBKL tertakluk kepada mana-mana kekosongan di sekitar Kuala Lumpur	<b>3</b>
Unit kosong		<b>2</b>
Dalam tindakan penguatkuasaan		<b>1</b>
<b>JUMLAH (B)</b>		<b>101</b>
<b>JUMLAH (A) + (B)</b>		<b>658</b>